

24 SEP 1998

Mustapa -Bank Dunia

MUSTAPA HADIRI MESYUARAT BANK DUNIA

KUALA LUMPUR, 24 Sept (Bernama) -- Menteri Kewangan Kedua Datuk Mustapa Mohamed akan menjelaskan kepada Bank Dunia mengenai langkah-langkah kawalan tukaran asing, semasa beliau menghadiri mesyuarat Menteri-menteri Kewangan dan Gabenor-gabenor Bank Dunia mulai 3 hingga 8 Okt ini di Washington.

Beliau berkata ramai orang, termasuk pegawai-pegawai Bank Dunia tidak memahami langkah-langkah kawalan tersebut sehingga ada yang menyifatkannya sebagai pengawalan semua aliran keluar dana.

Sebaliknya, Malaysia hanya mengenakan pengawalan modal secara berpilih, yang bertujuan untuk menghalang ringgit daripada serangan dan mengurangkan spekulasi dalam pasaran saham, katanya.

"Kami menggunakan (forum) ini sebagai peluang untuk memberikan gambaran sebenar mengenai kawalan tersebut," katanya kepada pemberita di sini hari ini, selepas melawat pameran Persatuan Francais Malaysia.

Pameran itu akan dirasmikan esok oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Menteri Kewangan Pertama.

Bagi Mustapa mesyuarat Bank Dunia itu merupakan mesyuarat rasmi beliau yang pertama di luar negara sejak dilantik sebagai Menteri Kewangan Kedua.

Mengenai agenda mesyuarat Bank Dunia, beliau berkata pada 3 Okt ini, seminar kewangan Asia Tenggara akan diadakan. Ini diikuti mesyuarat tidak rasmi Menteri-menteri Kewangan Asean hari berikutnya.

Mesyuarat jawatankuasa pembangunan bank itu dan mesyuarat Menteri-menteri Kewangan Asean-Jepun yang Ke-5 akan diadakan pada 5 Okt ini.

Selain itu, Menteri-menteri Kewangan dan Gabenor-gabenor Bank Kumpulan 22 negara membangun (G-22) juga akan mengadakan mesyuarat, manakala mesyuarat tahunan Lembaga Gabenor Bank Dunia/Tabung Kewangan Antarabangsa dan mesyuarat Kumpulan Willard akan diadakan pada 6 Okt ini.

-- BERNAMA

NLY JR RI